

TAK MASUK AKAL

■ Syed Saddiq kecewa sukan berskala besar gagal jalani Penilaian Penarafan Bintang

Saiful Affendy Sapran

saifulaffendy@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sangat mengecewakan. Demikian reaksi pertama Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman terhadap 11 persatuan sukan kebangsaan (NSA) yang gagal menjalani Penilaian Penarafan Bintang oleh Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PPS) tahun lalu.

Jelas Syed Saddiq, menambahkan kekecewaannya itu apabila antara persatuan sukan terbabit adalah berskala besar.

"Beberapa persatuan dalam senarai adalah persatuan skalanya agak besar. Mereka ini diharap dapat memenangi pingat dan juga memastikan hala tuju sukan dan atlet dapat dijaga dengan baik," katanya.

Justeru itu tegas Syed Saddiq, kementeriannya akan mengeluarkan pelan pembaharuan untuk persatuan



sukan.

"Kita nak pastikan selepas ini urus tadbir (persatuan) terbaik. Ada juga cadangan daripada atlet mengenai audit menyeluruh persatuan untuk pastikan dana dapat digunakan sebaik mungkin," katanya pada sidang media selepas sesi townhall belia dan kepimpinan sukan di Universiti Putra Malaysia (UPM) semalam.

Pesuruhjaya Sukan, Datuk

Zaiton Othman menerusi laporan kelmarin kecewa dengan sikap sebahagian persatuan sukan kebangsaan yang tidak memberikan komitmen serta gagal mentadbir persatuan masing-masing dengan baik.

Katanya, 11 daripada 35 persatuan sukan kebangsaan yang sepatutnya menjalani Penilaian Penarafan Bintang tidak dapat berbuat demikian kerana pelbagai alasan.

“

Beberapa persatuan dalam senarai adalah persatuan skalanya agak besar. Mereka ini diharap dapat memenangi pingat dan memastikan hala tuju sukan dan atlet dapat dijaga dengan baik”

Syed Saddiq Syed Abdul Rahman

Beberapa persatuan sukan kebangsaan (NSA) memberi alasan tersendiri mengapa mereka gagal menjalani Penilaian Penarafan Bintang oleh Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PPS) tahun lalu.

Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM) menerusi setiausahanya kehormatannya, Datuk Abd Hamid Hassan berkata, kesibukan masa menguruskan atlet kebangsaan untuk ke-

johanan tertentu terutama Sukan Malaysia (SUKMA) menyebabkan pihaknya gagal memberikan kerjasama.

"Ketika sesi penilaian itu, kami agak sibuk untuk menyediakan atlet bagi menyertai kejohanan tertentu. Kami mengakui kelemahan ini tetapi yang penting adalah kami tidak mengabaikan persiapan atlet dalam menyertai kejohanan tertentu," katanya.

Pengurus Besar Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA), Ken Yap pula berkata beliau tidak mengetahui mengenai perkara itu.

"Saya tidak tahu mengapa perkara ini berlaku. Saya sendiri tak terbabit dengan penilaian ini. "Jadi saya tidak mempunyai maklumat terperinci. Saya perlu mendapatkan keterangan lanjut daripada pejabat terlebih dulu," katanya.

Perkara sama diakui Timbalan Presiden Persatuan Bola Tampar Malaysia (MAVA), Hanif Basree Abd Rahman.